

# PENULISAN ILMU TAJWID DALAM KESUSASTERAAN TRADISIONAL SARAWAK: ANALISIS KANDUNGAN KITAB HIDAYAH LI AL-WALAD AL-WALAD

**WRITING OF TAJWID KNOWLEDGE IN TRADITIONAL SARAWAK LITERATURE: CONTENT ANALYSIS OF THE BOOK OF HIDAYAH LI AL-WALAD AL-WALAD**

Mohd Akmal bin Sidik<sup>1</sup>

Wan Ariffin Wan Yon<sup>2</sup>

Mohamad Firdaus Bin Mohamad Sabari<sup>3</sup>

Awang Nib Zuhairi Bin Awang Ahmad<sup>4</sup>

<sup>1</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sarawak, Malaysia (e-mel: mohdakmal7900@uitm.edu.my)

<sup>2</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sarawak, Malaysia (e-mel: wanariffin@uitm.edu.my)

<sup>3</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sarawak, Malaysia (e-mel: firdaussabari@uitm.edu.my)

<sup>4</sup>Jabatan Agama Islam Sarawak, Malaysia  
(e-mel: nibz@sarawak.gov.my)

## Article history

**Received date** : 17-5-2024

**Revised date** : 18-5-2024

**Accepted date** : 3-7-2024

**Published date** : 30-9-2024

## To cite this document:

Sidik, A., Wan Yon, W. A., Mohamad Sabari, M. F., & Awang Ahmad, A. N. Z. (2020). Penulisan ilmu tajwid dalam kesusasteraan tradisional Sarawak: Analisis kandungan Kitab Hidayah Li Al-Walad Al-Walad. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (66), 291 – 298.

**Abstrak:** Kajian ini menganalisis kandungan kitab Hidayah li al-Walad al-Walad berkaitan ilmu tajwid. Kitab ni merupakan hasil karya Syeikh Mansur bin Syed Abu Bakr al-'Aydrus yang diterbitkan pada tahun 1936M. Kajian ini merupakan sebuah kajian penyejarahan-kualitatif (historical-qualitative research) di mana data-data yang telah dikumpul akan dianalisis menggunakan beberapa metod iaitu heuristik dan analisis kandungan yang merangkumi kritikan luaran dan kritikan dalaman. Hasil kajian ini mendapati penulisan ilmu tajwid dalam Kitab Hidayah li al-Walad al-Walad adalah berbentuk karya asli dan pengarangnya telah memasukkan 14 topik perbahasan dan dua (2) sub topik berkaitan ilmu tajwid. Walaupun kitab ini dihasilkan di Sarawak, bahasa yang digunakan adalah bahasa Melayu am dan bukannya bahasa Melayu Sarawak. Penerangan terhadap setiap topik atau sub topik dilakukan secara ringkas, padat dan mudah difahami.

**Kata kunci:** Tajwid, Sarawak, Sastera Kitab

**Abstract:** This study analyzes the content of the book Hidayah li al-Walad al-Walad related to the science of tajwid. This book is the work of Sheikh Mansur bin Syed Abu Bakr al-'Aydrus which was published in 1936 AD. This study is a historical-qualitative research (historical-qualitative research) where the data that has been collected will be analyzed using several

methods, namely heuristics and content analysis that includes external criticism and internal criticism. The results of this study found that the writing of the science of tajwid in *Kitab Hidayah li al-Walad al-Walad* is an original work and the author has included 14 topics and two (2) sub-topics related to the science of tajwid. Although this book was produced in Sarawak, the language used is general Malay and not Sarawak Malay. The description of each topic or sub topic is done in a simple, concise and easy to understand manner.

**Keyword:** *Tajwid, Sarawak, Kitab Literature*

---

## Pengenalan

Pengajian tajwid adalah sesuatu yang mendasar dalam masyarakat Islam kerana mempelajari ilmu tajwid membolehkan seseorang Muslim membaca al-Quran dengan cara yang betul sebagaimana ia diturunkan kepada Rasulullah saw. Pengajian tajwid terbahagi kepada dua cara iaitu praktikal dan teoritikal. Pengajian tajwid secara praktikal bermaksud pelajar membaca al-Quran secara *talaqqi musyafahah* (Syakir & Farid, 2021) di hadapan guru yang membolehkan guru memperbaiki bacaan pelajar sehingga bacaan pelajar adalah betul dan tepat.

Pengajian tajwid secara teoritikal pula bermaksud pelajar mempelajari ilmu tajwid daripada diagram, lakaran, gambar, bahan-bahan bacaan atau mendengar kuliah. Cara ini tidak mencukupi dan tidak menjamin ketepatan bacaan al-Quran pelajar. Walaupun begitu, mempelajari ilmu tajwid secara teoritikal mampu memudahkan para pelajar memahami ilmu tajwid dengan cepat. Penulisan ilmu tajwid yang jelas dan tersusun juga menyumbang kepada proses pembelajaran ilmu tajwid yang baik dan lancar.

Penulisan ilmu tajwid bukanlah suatu yang asing di Malaysia. Terdapat banyak karya ilmu tajwid yang dihasilkan seawal tahun 1193M. Akan tetapi, *Kitab Hidayah li al-Walad al-Walad* merupakan kitab yang mengandungi ilmu tajwid pertama dihasilkan di Sarawak yang tersebar dalam kalangan masyarakat di Sarawak sehingga ke Brunei. Artikel ini ditulis bertujuan mengetengahkan perbahasan tentang ilmu tajwid yang terkandung dalam kitab ini. Objektif yang digariskan bersesuaian dengan tujuan ini adalah mengkaji metodologi penulisan ilmu tajwid yang terkandung dalam *Kitab Hidayah li al-Walad al-Walad*.

Menurut (Harun & Ismail, 1983), sebuah manuskrip *Kitab Hidayah li al-Walad al-Walad* ada tersimpan di Muzium Brunei dengan bernombor 65/80. Kitab ini juga menjadi bahan pengajaran oleh Yang Behormat Pehin Siraja Khatib Abdul Razak bin Hasanuddin (Norhayati & Masuriyati, 2022). Kitab ini juga menjadi teks pengajian agama Islam di Brunei sejak sebelum Brunei merdeka lagi. (Sarinah, 2019)

## Sorotan Kepustakaan

Terdapat lebih daripada 50 buah manuskrip ilmu tajwid yang tersimpan sama ada di Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia atau di Pusat Dokumentasi Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka. Koleksi manuskrip ilmu tajwid yang terdapat di Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia termasuklah *Kitab Tajwid* (MSS2868), *al-Tajwid al-Sahlu al-Mubtadi Qiraah min al-Makhraj al-Huruf*, *Mubah al-Quran* (MSS2698), *Syair Nur Tajwid* (MSS2461), *Risalah Ilmu Tajwid* (MSS2611), *Catatan Ilmu Tajwid* (MSS 2611), *Nazam Ilmu Tajwid* (MSS 2908), *Makhraj Huruf* (MSS 2868), *Syair Tajwid* (MSS 2934), *Kitab Tajwid Fatihah* (MSS 3326) dan *Nazam Kitab Tajwid* (MSS 3384). (Asmadi, Zaki, & Idha, 2014)

Menurut (Asmadi, Zaki, & Idha, 2014), manuskrip bertajuk *Mir'at al-Quran fi Tashil li Ma'rifat Ahkam al-Tajwid li al-Mulk al-Wahhab* yang ditulis oleh Ibn Syeikh Abdul Mukti dianggap sebagai kitab tajwid pertama yang disusun dalam bahasa Melayu. Kitab ini membahaskan beberapa perkara berkaitan ilmu tajwid termasuklah hukum mempelajari ilmu tajwid, hukum membaca isti'azah, hukum lam takrif, lam takrif syamsiah, lam takrif qamariah, huruf hijaiyyah, hukum nun mati dan tanwin.

Ibn Syeikh Abdul Mukti telah menghasilkan kitab *Mir'at al-Quran fi Tashil li Ma'rifat Ahkam al-Tajwid li al-Mulk al-Wahhab* ini pada tahun 1779M/1193H menggunakan Bahasa Melayu Lama yang diterjemahkan daripada beberapa kitab berbahasa Arab seperti *Tuhfah Al-Talibin fi al-Tajwid Kitab Rab Al-'Alamin* karya Syeikh Mansur Ibn 'Isa Ibn Ghazi al-Ansari al-Misri, *Ahwas al-Mufahhamah fi Syarh al-Muqaddimah fi 'Ilm al-Tajwid* atau dikenali dengan *Syarh al-Muqaddimah* karya Syeikh al-Islam Zakariyya al-Ansari dan beberapa buah kitab lain. (Saad & Daud, 2015)

Menurut Wan Mohd Shaghir pula, setelah penulisan kitab *Mir'at al-Quran*, barulah kitab-kitab tajwid lain ditulis dan tersebar di Malaysia (Wan, 2007). Kitab-kitab lain tersebut seperti;

- i. *Tuhfat al-Murid* karya Muhammad Said Ibn Hasan yang diselesaikan pada tahun 1849M
- ii. *Risalah Tajwid* karya Aminuddin bin Nuruddin bin Husein yang diselesaikan pada tahun 1869M.
- iii. *Al-Mawahib al-Makkiyyah* karya Syeikh Abdul Qadir bin Abdul Rahman al-Fatani yang diselesaikan pada tahun 1879M.
- iv. *Siraj al-Qari* karya Syeikh Muhammad Salih bin Zainal Abidin al-Fatani yang diselesaikan pada tahun 1891M. (Pizi, al-Geriani, & Latiff, 2022)
- v. *Tuhfat al-Ikhwan* karya Syeikh Ismail bin Abdul Mutualib al-'Asyi yang diselesaikan pada tahun 1893M.
- vi. *Maurid al-Zuman* karya Syeikh Abdullah bin Qasim al-Sanquri yang diselesaikan pada tahun 1898M. (Wan , 2000)

*Kitab Mawrid al-Zaman* atau nama penuhnya *Mawrid al-Zam'an fi ma Yata 'llaq bi Tajwid al-Qur'an* merupakan karya asli yang dihasilkan oleh Tok Senggora atau Syeikh Abdullah bin Qasim al-Sanquri. Karya ini juga adalah kitab ilmu tajwid yang paling tebal dan paling sempurna berbanding kitab-kitab tajwid yang dihasilkan sebelumnya. (Saad, 2014). Kitab ini telah ditashih dan diterbitkan kembali pada tahun 2004 oleh almarhum Wan Muhammad Shaghir bin Wan Abdullah, pengkaji prolifik khazanah kesusasteran Islam di Malaysia dan pemilik syarikat Khazanah Fathaniyah. Manakala pada tahun 2006 pula, sebuah disertasi master berkaitan kitab ini telah ditulis oleh Ustaz Othman Muda. (Mohamad & Mohamed, 2022)

Dari selatan Malaysia pula, Tuan Haji Hassan bin Ismail diiktiraf antara tokoh yang banyak memberi sumbangan terhadap perkembangan ilmu tajwid tanahair. Tuan Haji Hassan membincangkan secara terperinci pemerhatian beliau tentang penulisan ilmu tajwid menerusi artikel beliau berjudul "Penyelidikan Berkennaan Kitab-Kitab Tajwid Bahasa Melayu dan Qiraat". Artikel ini diterbitkan dalam Majalah Warta Jabatan Agama Islam Johor, bilangan 111 keluaran Julai tahun 1959. (al-Shiddieque, Anuar, & Samrah, 2019)

### **Kitab Hidayah Li Al-Walad Al-Walad**

Kitab *Hidayah li al-Walad al-Walad* merupakan sebuah kitab yang mengandungi perbahasan tentang dua ilmu utama iaitu ilmu tauhid dan ilmu tajwid. Dua bidang ilmu ini diuraikan secara terperinci dalam 118 halaman. Kitab ini menyasarkan orang yang baru belajar pengajian Islam.

Kerana itulah pengarang menamakan kitabnya *Hidayah li al-Walad al-Walad* iaitu Petunjuk Bagi Kanak-kanak. Kitab ini ditulis berdasarkan iktikad Ahli Sunnah wal Jamaah. (Harun & Ismail, 1983)

Kitab *Hidayah li al-Walad al-Walad* ditulis oleh Mansur bin Sayyid Abu Bakar al-'Aydrus yang telah selesai ditulis pada hari Sabtu, 12 Rabi'ul Awwal 1343H bersamaan 11 Oktober 1924 di negeri Baram. (al-'Aydrus, 1936) Baram adalah sebuah daerah di bawah bahagian Miri, Sarawak. (Jawatankuasa Teknikal Standard MyGDI (JTS), 2012) Kitab ini telah dicetak di Singapura oleh Singapura Jawi Press yang beralamat di 242\_N Lorong Engku Aman Geylang Road Singapura. Berdasarkan muka hadapan, kitab ini telah dicetak pada 20 Rabiul Akhir 1355H bersamaan 9 Julai 1936.

Pada bahagian bawah mukasurat terakhir pula tercatat, "Tercop di tempat Singapura Jawi Press nombor N-242 Lorong Engku Aman Geylang Road, Singapura. 26 Rejab Sanah 1355H bersamaan 12 Oktober Tahun 1936



**Gambar 1 & 2: Mukasurat hadapan dan mukasurat terakhir Kitab *Hidayah li al-Walad al-Walad* (al-'Aydrus, 1936)**

### **Kandungan Ilmu Tajwid Mengikut Turutan Dalam Kitab *Hidayah Li Al-Walad Al-Walad***

Penulisan ilmu tajwid dalam Kitab *Hidayah li al-Walad al-Walad* adalah berbentuk karya asli. Karya asli merujuk kepada karya-karya yang terhasil dari analisis dan kefahaman penulis itu

sendiri dan bukannya diterjemahkan dari bahasa lain. Karya-karya asli juga biasanya menggunakan buku berbahasa Arab sebagai rujukan utama (Asmadi, Zaki, & Idha, 2014).

Pengarang kitab *Hidayah li al-Walad al-Walad* telah memasukkan 14 topik perbahasan dan dua (2) sub topik berkaitan ilmu tajwid. Pembahagian topik dan sub topik di dalam kitab *Hidayah li al-Walad al-Walad* adalah seperti jadual berikut;

**Jadual 1: Pembahagian topik dan sub-topik ilmu tajwid di dalam Kitab *Hidayah li al-Walad al-Walad***

Faedah	Fasal	Syahdan
Ilmu Tajwid	Huruf hija'iyah	
	Hukum nun mati atau tanwin	Pembahagian izhar
	- Izhar halqi	- Izhar halqi
	- Idgham bila ghunnah	- Izhar mutlaq
	- Idgham ma'al ghunnah	- Izhar syafawi
	- Ikhfa'	
	- Iqlab	
	Pembahagian idgham	
	- Idgham bila ghunnah	
	- Idgham ma'al ghunnah	
	- Idgham syamsiah	
	- Idgham mithlain	
	- Idgham mutaqaribain	
	- Idgham mumtani'	
	Hukum mim mati	
	Hukum qalqalah	
	Huruf mahmusah	
	Hukum bacaan ketika wakaf	
	Hukum mad	Khilaf kadar bacaan mad wajib muttasil
	- Mad tabii	
	- Mad badal	
	- Mad tamkin	
	- Mad jaiz munfasil	
	- Mad wajib muttasil	
	- Mad lazim kalimah muthaqqalah	
	- Mad lazim kalimah mukhaffafah	
	- Mad lazim harfi	
	- Mad lazim harfi mukhaffafah	
	- Mad lin	
	- Mad 'aridh	
	Rukun wakaf	
	Hukum dhamir	
	Hukum huruf lin yang mati	
	Sifat yang 'aridh	
	Hukum membaca awal surah	
	Hukum menghubungkan antara surah	

### **Metodologi Penulisan Ilmu Tajwid Dalam Kitab *Hidayah Li Al-Walad Al-Walad***

- i. Pengarang menggunakan bahasa Melayu am dan bukannya bahasa Melayu Sarawak dalam menulis ilmu tajwid.
- ii. Pengarang menggunakan perkataan ‘Faedah’ bagi memulakan perbahasan tentang ilmu tajwid. Perkataan sama digunakan oleh pengarang apabila beliau memulakan tajuk-tajuk besar seperti ilmu akidah atau ilmu tasawuf.
- iii. Pengarang menggunakan perkataan ‘Fasal’ bagi memulakan topik kepada ‘Faedah’ seperti ‘Fasal pada menyatakan idgham’ atau ‘Fasal pada menyatakan mad’.
- iv. Pengarang menggunakan perkataan ‘Syahdan’ untuk memulakan sub topik seperti ‘Syahdan, adapun izhar itu terbahagi ia kepada’ yang merupakan sub topik kepada fasal izhar.
- v. Pengarang menggunakan ayat ‘Maka kiaskan pada barang yang seumpamanya’ yang boleh difahami sebagai galakan kepada pembaca untuk berusaha mencari dan memahami contoh-contoh selain dari contoh yang diberikan pengarang. Ayat ini juga digunakan di akhir sesuatu perbahasan topik atau sub topik.
- vi. Pengarang memasukkan kalimah-kalimah al-Quran yang bersesuaian bagi setiap topik atau sub topik.
- vii. Penerangan terhadap setiap topik atau sub topik dilakukan secara ringkas, padat dan mudah difahami (al-'Aydrus, 1936).

### **Sumber Penulisan Ilmu Tajwid Dalam Kitab *Hidayah Li Al-Walad Al-Walad***

Syeikh Mansur al-'Aydrus tidak menyatakan sumber ambilan ketika beliau menulis ilmu tajwid dalam Kitab *Hidayah li al-Walad al-Walad* ini. Akan tetapi, beliau ada menyebutkan beberapa nama tokoh ketika membahaskan khilaf dalam kalangan ulama tentang kadar bacaan mad wajib muttasil. Tokoh-tokoh tersebut adalah;

- i. Imam Nāfi' iaitu Nāfi' bin Abd al-Rahmān bin Abū Nu'aim al-Laisī. Beliau dilahirkan pada tahun 70 H dan wafat pada tahun 169 H di Madinah (Ibn al-Jazari, 1982).
- ii. Imam Qalun iaitu Abū Mūsā Isā bin Mīnā. Beliau dilahirkan pada tahun 120 H dan wafat pada 220 H di Madinah (Ibn al-Jazari, 1982).
- iii. Imam Abu 'Amr iaitu Zabban bin al-'ala bin Umar bin al-Iryan bin Abdullah bin al-Husin. Beliau dilahirkan pada tahun 68 H dan wafat di Kuffah pada tahun 154 H (Ibn al-Jazari, 1982).
- iv. Imam Ibn 'Amir iaitu Abdullah bin 'Amir bin Yazid bin Tamim. Beliau dilahirkan pada tahun 21 H dan wafat pada tahun 118 H di Damsyik (Ibn al-Jazari, 1982).
- v. Imam Ibn Kathir iaitu Abdullah bin Kathir bin 'Amru bin Zazhan. Beliau dilahirkan pada tahun 45 H dan wafat di Mekah pada tahun 120 H (Ibn al-Jazari, 1982).
- vi. Imam 'Asim iaitu 'Asim bin Bahdalah Abi al-Najud al-Asadi. Beliau telah wafat pada tahun 127 H (Ibn al-Jazari, 1982).
- vii. Imam Hafs iaitu Hafs bin Sulaiman bin al-Mughirah al-Asadi al-Kufi. Beliau dilahirkan pada tahun 90 H dan wafat pada tahun 180 H (Ibn al-Jazari, 1982).
- viii. Imam Warsy iaitu Abu Said Uthman bin Said al-Misri. Beliau dilahirkan pada 110 H dan wafat pada tahun 197 H. (Ibn al-Jazari, 1982).
- ix. Imam Kisa'i iaitu Ali bin Hamzah bin Abdullah Al-Asadi. Dilahirkan pada tahun 70H dan wafat pada tahun 169H (Ibn al-Jazari, 1982).
- x. Imam Hamzah iaitu Abu 'Ammarah Hamzah bin Habib bin Ammarah al-Kufi. Beliau dilahirkan pada tahun 80H dan wafat pada tahun 156H (Ibn al-Jazari, 1982).
- xi. Imam Azraq iaitu Yusuf bin Amru bin Yusuf. Beliau wafat pada tahun 290H (Ibn al-Jazari, 1982).

Beliau menulis;

شهدان ادله قدر دمکن اکندي ايت برسله سلاهن قاري ملنجهوه اکندي ادفن فد شيخ قالون  
مريد شيخ نافع دان شيخ ابن عمر دان شيخ ابن كثير ملنجهتكندي قدر ساتوالف ستنه يائه تيك  
حركة ادفن شيخ عاصم كورو شيخ حفص ملنجهتكن اکندي قدر دوا الف ستنه يعني ليم  
حركة ادفن شيخ ابن عامر دان كسامي ملنجهتكندي قدر دوا الف، يائه امفت حرکة  
ادفن شيخ همنه دان شيخ ورش دان شيخ ازرق مك ملنجهت اي اکندي قدر تيك الف يائه انم  
حرکة انتهي

## **Hukum Mempelajari Ilmu Tajwid**

Pengarang menegaskan bahawa setiap individu yang ingin membaca al-Quran, mestilah berusaha sedaya upaya untuk mencari guru. Ini kerana, guru yang mahir dengan tatacara membaca al-Quran akan mampu membimbing beliau dalam mengelakkan kesalahan-kesalahan semasa membaca al-Quran. Hal ini penting kerana membaca al-Quran dengan meninggalkan tajwid adalah satu perbuatan yang berdosa dan dikhuatiri boleh menyebabkan seseorang itu terjunam ke lembah kekufturan.

Pengarang menyatakan;

**قراءة القرآن بغير الأستاذ لا ينتفع في حياته فإن مات فهو أكثر عذاب**

Maksudnya: "Ertinya barangsiapa membaca quran dengan tiada berguru nescaya tiada memberi faedah pada ketika hidupnya maka jika mati ia maka iaitu banyak seksa"

Di dalam kitab *Hidayah li al-Walad al-Walad*, Syeikh Mansur menyandarkan kenyataan di atas kepada Rasulullah saw. Berdasarkan penelitian kami, sandaran tersebut tidak ada asasnya dan tidak diketahui asal-usulnya.

## Kesimpulan

Kitab *Hidayah li al-Walad al-Walad* merupakan sebuah hasil kesusasteraan Islam yang amat penting dijadikan bahan kajian berkaitan perkembangan Islam di Sarawak pada awal abad ke-20M. Tambahan pula, kitab ini tersebar dalam kalangan masyarakat Islam di Sarawak, bahkan turun dijadikan bahan pengajaran di Brunei. Hasil penulisan Syeikh Mansur al-'Aydrus berkaitan tajwid juga menunjukkan penguasaan yang mendalam beliau terhadap ilmu tajwid dan metodologi penulisan kesusasteraan Islam.

## Rujukan

- al-'Aydrus, M. (1936). *Hidayah li al-Walad al-Walad*. Singapura: Pustaka Jawi Press.
- al-Shiddieque, M., Anuar, K., & Samarah, S. (2019). Majalah Warta Majlis Agama Islam Johor: Tinjauan Tuan Haji Hassan Bin Ismail Dalam Ilmu Tajwid Dan Qiraat Di Malaysia. *Proceedings of the 6th International Conference on Quran as Foundation of Civilisation (SWAT 2019)*, (pp. 578-588). Nilai.
- Asmadi, M., Zaki, M., & Idha, S. (2014). MANUSKRIP AL-QUR'AN DAN ILMU-ILMUNYA (ULUM AL-QUR'AN) DI ALAM MELAYU: TUMPUAN TERHADAP MANUSKRIP ILMU TAJWID. *Perpustakaan Negara Malaysia*, 1-11.
- Harun, M., & Ismail, H. (1983). Koleksi Manuskip-manuskip Melayu di Brunei: Satu Maklumat Awal. *Jurnal Sari*, 1(2), 103-123.
- Ibn al-Jazari, M. b. (1982). *Ghayat al-Nihayah fi Tabaqat al-Qurra'*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Jawatankuasa Teknikal Standard MyGDI (JTSM). (2012). *KOD DAN NAMA SEMPADAN PENTADBIRAN TANAH (UNIQUE PARCEL IDENTIFIER - UPI)*. Putrajaya: Pusat Infrastruktur Data Geospatial Negara.
- Mohamad, K., & Mohamed, A. (2022). METODE PENULISAN MAKHRAJ DAN SIFAT HURUF DALAM MAWRID ZL-ZHOM'AN KARYA SYEIKH ABDULLAH SENGGORA. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 52-64.
- Norhayati, A., & Masuriyati, Y. (2022). Sumbangan Yang Behormat Pehin Siraja Khatib Abdul Razak bin Hasanuddin: Pendidikan Masyarakat Brunei di Kampung Ayer. *Proceedings Borneo Islamic International Conference* (pp. 136-141). Kuching: Majmuah Enterprise.
- Pizi, M., al-Geriani, A., & Latiff, A. (2022). Sumbangan Syeikh Muhammad Saleh bin Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani Terhadap Ilmu Tajwid Melalui Kitab Siraj al-Qari Pada Membicarakan Hukum Tajwid Kalam Allah al-Bari. *International Journal of Civilizational Studies And Human Sciences (BITARA)*, 1-9.
- Saad, S. (2014). TOK SENGGORA: SUMBANGANNYA TERHADAP PENULISAN KITAB TAJWID LAMA DI MALAYSIA. *International Research Management and Innovation Conference (IRMIC 2014)*, (pp. 337-387). Kuala Lumpur.
- Saad, S., & Daud, Z. (2015). SYEIKH 'ABD AL-MU'TI BIN SYEIKH MUHAMMAD SALEH PENGARANG KITAB TAJWID PERTAMA DI ALAM MELAYU. *2nd International Research Management & Innovation Conference (IRMIC 2015)*, (pp. 1-9). Langkawi.
- Sarinah, Y. (Disember , 2019). Sejarah Perkembangan Pengajian dan Penulisan al-Quran di Negara Brunei Darussalam. *Ar-Ra'iq*, 2(2), 67-106.
- Syakir, M., & Farid, M. (2021). Kaedah Talaqqi Musyafahah Dalam Tilawah al-Quran. *Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa*, 31(1), 153-174.
- Wan , M. (2000). *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Wan, M. (13 April, 2007). Syeikh Ibnu Abdul Mu'ti, Penyusun Ilmu Tajwid Pertama Bahasa Melayu. *Utusan Malaysia*.